



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam**

**KETUA PEMBANTU TEKNIK (C.3-4 EB.5)
JABATAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



KETUA PEMBANTU TEKNIK

JABATAN POLIS DIRAJA BRUNEI

JABATAN PERDANA MENTERI

C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 EB KHAS \$3,040 - \$3,320 SEBULAN)

KEKOSONGAN= SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Elektrikal dan Elektronik / Elektronik dan Perhubungan / Kejuruteraan Telekomunikasi atau bidang bersesuaian.*

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Polis Diraja Brunei dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menjalankan tugas pemasangan, pemeliharaan dan pembaikan peralatan perhubungan dan kelengkapan navigasi kapal-kapal peronda polis merin seperti *High Frequency (HF)*, *International Radio*, *Marine Radar*, *Global Positioning System (GPS)* dan *Echo Sounder*;
2. Memasang, memelihara dan membaikpulih peralatan *High Frequency (HF) manpack* dan *Base Station* yang digunakan oleh pasukan;
3. Menghadapkan cadangan penghapusan bagi peralatan-peralatan dibawah jagaan Bahagian Comm 3;



4. Membantu dalam perancangan dan perlaksanaan projek-projek Bahagian Perhubungan Pasukan;
5. Mengawas dan membimbing ahli-ahli dibawah jagaan Bahagian Comm 3;
6. Membuat laporan kerosakan dan sokongan pembelian *spare parts* bagi peralatan dibawah jagaan untuk dihadapkan kepada Jurutera Pemeliharaan; dan
7. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Bahagian Perhubungan.